

**SOALAN NO. 47**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[ BACHOK ]**

**TARIKH : 20 MAC 2018 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [ Bachok ] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
menyatakan apakah punca kelewatan pembayaran bantuan JKM pada  
tahun ini, dan jumlah penerima yang terkesan akibat kelewatan ini.**

113

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai Kerajaan yang prihatin terhadap golongan miskin dan berkeperluan, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi memastikan bantuan bulanan dapat disalurkan mengikut ketetapan masa yang ditetapkan.

Pada tahun 2018, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah diperuntukkan sejumlah **RM1.35 bilion** bagi kegunaan bayaran bantuan bulanan kepada **375,938** orang penerima. Dari jumlah tersebut, sejumlah **RM130 juta** telah disalurkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah melalui waran bertarikh 15 Januari 2018 yang memberi manfaat kepada **37,798** orang penerima bantuan bulanan di bawah Skim Kerajaan Persekutuan.

Walaupun begitu pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat mengakui

bahawa terdapat sedikit kelewatan bayaran Bantuan Kewangan Bulanan bagi bayaran bulan Februari 2018.

Keadaan ini adalah disebabkan kerja-kerja menaiktaraf sistem kewangan Kerajaan Persekutuan daripada Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan Elektronik (eSPKB) kepada sistem 1 *Government Financial Management Accounting System* (1GFMAS) dan pada peringkat ini sistem baharu 1GFMAS masih perlu disesuaikan dengan beberapa sistem dan pangkalan data di Peringkat Jabatan kerajaan termasuk sistem eBantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Peralihan dan penyesuaian sistem kewangan dan pembayaran ini digunakan untuk pembayaran bantuan bagi bulan Februari 2018. Manakala bayaran bagi bulan Januari 2018 telah dibuat pada awal Disember 2017 kepada penerima bantuan menggunakan peruntukan Amanah. Dengan peralihan dan penyesuaian sistem ini, ia telah memberi kesan pembayaran kepada penerima bantuan JKM khususnya bagi bayaran bantuan bulan Februari yang sepatutnya dibayar sebelum 1 Februari 2018.

Pihak JKM telah berusaha keras bagi memastikan bayaran bantuan bulanan kepada **375,938** penerima di bawah peruntukan Kerajaan

115

Persekutuan melalui **106** Pusat Tanggungjawab (PTj) agar bantuan tidak terputus, pihak JKM telah menggunakan kaedah penyediaan invois tanpa PT iaitu mengunci masuk data secara manual terus ke sistem 1GFMAS. Dengan kaedah ini bayaran bagi bulan Februari 2018 telah berjaya diproses 100 peratus dan telah dibuat pembayaran kepada klien penerima bantuan.